

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]**

**SOALAN NO. 261**

**DATO' MANSOR OTHMAN [ NIBONG TEBAL ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kedudukan keberhutangan setiap Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan setakat ini dan perancangan Kementerian untuk membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan masalah hutang mereka.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, keseluruhan baki pinjaman belum selesai Kerajaan Negeri sehingga 28 Februari 2019 adalah sebanyak RM16.87 bilion dan mengikut negeri adalah seperti berikut:

| Negeri          | Jumlah (RM Juta) |
|-----------------|------------------|
| Pahang          | 3,074.29         |
| Sabah           | 2,794.29         |
| Kedah           | 2,570.38         |
| Sarawak         | 2,329.22         |
| Kelantan        | 1,427.24         |
| Selangor        | 1,104.21         |
| Melaka          | 971.08           |
| Negeri Sembilan | 943.74           |
| Terengganu      | 714.07           |
| Perlis          | 388.84           |
| Perak           | 307.39           |
| Johor           | 186.42           |
| Pulau Pinang    | 57.83            |
| <b>Jumlah</b>   | <b>16,869.00</b> |

*Sumber : Jabatan Akauntan Negara Malaysia*

**SOALAN NO : 261**

2. Kementerian bersedia membantu Kerajaan Negeri menyelesaikan hutang kepada Kerajaan Persekutuan melalui kaedah-kaedah seperti penjadualan semula pinjaman berdasarkan kedudukan kewangan Kerajaan Negeri, menerima bayaran balik pinjaman secara bukan tunai (*payment-in-kind*) dan potongan pemberian geran tahunan bagi tujuan bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan.

3. Selain itu, Kerajaan Persekutuan melalui Mesyuarat Majlis Kewangan Negara dan Mesyuarat Pegawai Kewangan Negeri sentiasa memantau pengurusan kewangan setiap negeri dengan menggalakkan penjimatan perbelanjaan dan mengenal pasti usaha-usaha meningkatkan hasil negeri.